



27 JUL, 2024

16 kereta mewah bernilai RM1.2 juta dirampas

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

Pengimport gagal mengikrarkan kenderaan masih belum dibayar cukai

KUALA LUMPUR

Sebanyak 16 kereta mewah dan 1.2 juta batang rokok seludup bernilai lebih RM4.5 juta berjaya dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam dua serbuan berbeza di ibu negara dan Pahang, baru-baru ini.

Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, dalam serbuan di sebuah gudang berlesen di Jalan Pahang, Setapak, pada 24 Jun lalu berjaya merampas kereta mewah dipercayai disimpan melebihi tempoh dibenarkan iaitu 48 bulan.

"Pihak pengimport gagal mengikrarkan kenderaan masih belum dibayar cukai kepada JKDM," katanya ketika sidang media di Kompleks Kastam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (WPKL) pada Jumaat.

Beliau berkata, cukai terhadap kenderaan import perlu dijelaskan dalam tempoh empat tahun sebaik sahaja kenderaan tiba di pelabuhan, namun terdapat pihak gagal berbuat demikian dan terus menyimpan kenderaan itu di

gudang berlesen.

Model dirampas antaranya Audi dan Mercedes-Benz dengan jumlah sitaan dianggarkan bernilai RM1.2 juta manakala jumlah cukai dan duti import dianggarkan sebanyak RM2.35 juta.

Sementara itu, Norlela berkata, pihaknya juga berjaya mematahkan kegiatan pengedaran rokok seludup dalam serbuan sebuah rumah teres di Taman Shahzan, Kuantan, Pahang pada 13 Julai.

"Rokok termasuk cukai dianggarkan bernilai lebih RM970,000 dipercayai dibawa masuk dari negara jiran menggunakan jalan tikus," katanya.

Beliau berkata, kedua-dua kes diasasat mengikut Seksyen 135 (1)(a) Akta Kastam 1967 iaitu mengimport dan mengeksport barang tidak berkastam atau larangan import.

Dalam pada itu, Norlela meminta orang ramai membantu JKDM memerangi jenayah penyeludupan khususnya rokok, minuman keras, mercun, dadah dan kenderaan. - *Bernama*

16 kereta mewah bernilai RM1.2 juta dirampas



Norlela memeriksa kenderaan import disyaki tidak bercukai disimpan melebihi tempoh.



Norlela (tengah) menunjukkan rokok seludup dirampas ketika sidang akhbar di Kompleks Kastam WPKL pada Jumaat.



27 JUL, 2024

16 kereta mewah bernilai RM1.2 juta dirampas

Sinar Harian, Malaysia



Page 2 of 2

SUMMARIES

Pengimport gagal mengikrarkan kenderaan masih belum dibayar cukai Sebanyak 16 kereta mewah dan 1.2 juta batang rokok seludup bernilai lebih RM4.5 juta berjaya dirampas Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dalam dua serbuan berbeza di ibu negara dan Pahang, barubaru ini. Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Tengah, Norlela Ismail berkata, dalam serbuan di sebuah gudang berlesen di Jalan Pahang, Setapak, pada 24 Jun lalu berjaya merampas kereta mewah dipercayai disimpan melebihi tempoh dibenarkan iaitu 48 bulan.